

Memorandum Warga Miskin Kota

Kami, warga miskin kota, ingin menegaskan bahawa kita tidak berbeza dari masyarakat Malaysia, dan merupakan sebahagian daripada masyarakat dunia. Kami adalah seperti warga Malaysia yang lain atau insan lain dimana pun mereka berada.

Namun begitu, ada diantara kami terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran:

- Tempat tinggal yang selamat
- Punca pendapatan yang tetap - gaji dan pencen
- Mendapat pengangkutan awam yang diperlukan
- Mendapat makanan sehari-hari
- Mendapat perkhidmatan kesihatan
- Mendapat kerja dan hak pekerja yang terjamin
- Mendapat MyKad

Segala cabaran ini meliputi hak-hak yang diperlukan: bagi memastikan kemandirian dalam menunaikan keperluan kesihatan, rohani, kekeluargaan dan hubungan sosial.

Namun, kami tetap disisihkan akibat dasar-dasar dan tindakan-tindakan Tuan dan pihak-pihak berkuasa lain, seperti:

- Pihak berkuasa menyatakan bahawa warga miskin kota malas bekerja, walaupun ramai antara kami adalah warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan mengalami penyakit fizikal dan mental
- Warga miskin kota, termasuk pengemis, sedang ‘dibersihkan’ dari kawasan kota melalui operasi penguatkuasaan seperti Ops Qaseh
- Akta Orang-Orang Papa 1977, yang menjadikan kami yang hidup tanpa rumah, termasuk pengemis, dilihat sebagai pelaku jenayah
- Dapur-dapur umum tidak dibenarkan untuk beroperasi dan mengedarkan makanan

Dasar-dasar dan tindakan-tindakan ini memisahkan kami dari masyarakat umum, juga, peluang pekerjaan dan sokongan rakan-rakan komuniti di sekitar kota. Malah, tindakan-tindakan ini hanya menambahkan penderitaan yang dialami oleh warga miskin kota.

Kami tidak mahu warga miskin kota lagi digelar sebagai warga yang malas dan memerlukan disiplin.

Kami mendesak supaya warga miskin kota tidak lagi dianggap rendah atau tiada hak, tetapi sebagai warganegara Malaysia.

Kami bertahan di kota untuk mencari peluang bekerja, tempat tinggal dan kehidupan yang terjamin.

Persoalan kami kini kepada Tuan dan pihak-pihak berkuasa: bolehkah anda menegakkan hak warga miskin kota? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membatal operasi, memansuhkan Akta Orang-orang Papa dan mengadakan konsultasi untuk mendengar cadangan dan mencari jalan penyelesaian dengan kami dengan bekerjasama, secara sama-rata?

Nama	Tandatangan
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	
10.	
11.	
12.	
13.	
14.	
15.	
16.	

Nama	Tandatangan
17.	
18.	
19.	
20.	
21.	
22.	
23.	
24.	
25.	
26.	
27.	
28.	
29.	
30.	